

# Demokrasi tidak mudah atasi keganasan

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

**P**UTRAJAYA 5 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, keganasan adalah masalah baru antarabangsa yang bukan semudah itu boleh diselesaikan hanya melalui pelaksanaan demokrasi dan tadbir urus yang baik.

Beliau membidas sesetengah pihak yang enggan menerima hakikat bahawa keganasan tidak boleh dihapuskan selagi puncanya tidak ditangani dan kaedah yang digunakan untuk memburu pengganas hanya melahirkan rekrut baru.

“Masyarakat antarabangsa perlu bersetuju mengenal pasti dan menafsir punca-punca keganasan. Sesiapa yang cuba mencadangkan bahawa ia boleh diselesaikan dengan membawa demokrasi dan tadbir urus yang baik di merata dunia hanya mengambil mudah isu ini.

“Ia tidak semudah itu. Perlu bagi kita mengiktiraf bahawa kaedah yang digunakan berbeza mengikut tempat dan masa,” katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Ketua-ketua Perwakilan Malaysia di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Dalam hal ini, Abdullah menekankan bahawa masyarakat antarabangsa perlu mengakui kepentin-

ngan forum serantau dan antara-bangsa dalam membincang dan mencari formula untuk menghadapi cabaran baru yang dibawa oleh keganasan sebagai isu keselamatan yang bersifat tidak konvensional.

Pada masa ini, kata Perdana Menteri, negara-negara sedang membangun menderita akibat pelbagai sekatan yang dikenakan apabila perang terhadap keganasan dikaitkan dengan kempen menghapuskan senjata pemusnah besar-besaran.

Beliau menarik perhatian bahawa negara-negara sedang membangun kini terbatas untuk mendapatkan teknologi, peralatan dan material yang diperlukan untuk tujuan pembangunan ekonomi.

“Malaysia sangat komited terhadap kempen tersebut tetapi kita tidak bersetuju apabila isu-isu berkaitan ditangani secara unilateral.

“Perlu ada perbincangan pelbagai hala untuk mendapatkan persetujuan dan penyelesaian yang bersifat sejagat, komprehensif dan tidak ada diskriminasi,” katanya sambil menegaskan tidak ada sesuatu tindakan patut diambil kecuali atas kepentingan agenda pembangunan antarabangsa.

Sementara itu, Abdullah yang pernah menjadi Menteri Luar selama sembilan tahun, mengingatkan ketua-ketua perwakilan Malaysia di luar negara supaya menjalankan

fungsi mereka sebagai diplomat secara efektif.

Perdana Menteri berkata, mereka perlu berusaha mendapatkan maklumat yang berkualiti, menunjukkan keupayaan membincangkan isu-isu sukar dengan rakan sejawat asing dan pada masa yang sama memberi cadangan bernas kepada kerajaan.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, beliau sekali lagi mengingatkan para diplomat agar menunjukkan kredibiliti dalam menonjolkan kepentingan nasional dan menangani pelbagai isu melibatkan negara.

“Saya juga menekankan kepentingan memperbaiki kemahiran berunding. Kita perlu memahami subjek yang sedang dikendalikan,” katanya.

Beliau bangga kerana para diplomat yang turut serta pada dialog hari ini menunjukkan minat terhadap perkembangan domestik.

Katanya, kerajaan bersedia menambah peruntukan kewangan kepada Kementerian Luar untuk membolehkannya melaksanakan fungsi dengan lebih berkesan.

Bagaimanapun, beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, ia bergantung kepada kewangan negara kerana kerajaan perlu menguruskannya secara berhemah bagi menangani defisit.

UM - 6/7/2004: 2



ABDULLAH AHMAD BADAWI bergambar bersama Ketua-ketua Perwakilan Malaysia selepas merasmikan persidangan dan berdialog dengan mereka di Pusat Konvensyen Putrajaya, Putrajaya, semalam. Turut hadir, Syed Hamid Albar dan timbalannya, Datuk Joseph Salang Gandum.